

KAJIAN TENTANG SAMBUTAN PENDUDUK BANDAR BARU PERDA TERHADAP PERLINDUNGAN TAKAFUL

10DPM14F1005 NURUL FATIMAH BINTI KHAIRI
10DPM14F1049 AIMAN IZZUDIN BIN JEFREE
10DPM14F1069 MUHAMMAD SAZUAN BIN MAT RIDZUAN
10DPM14F1079 LUKMANULHAKIM BIN NORAZAM
10DPM14F1081 MOHAMMAD LUQMAN HANIFF BIN OTHMAN
10DPM14F1083 YUSRIZAL BIN MD YUSOFF

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN**

JABATAN PERDAGANGAN


POLITEKNIK SEBERANG PERAI

DISEMBER 2016

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Laporan projek bertajuk “Kajian Tentang Sambutan Penduduk Bandar Baru Perda Terhadap Perlindungan Takaful” ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:


Nama Penyelia : En. NAJIB B. ADNAN
Tandatangan Penyelia : 
Tarikh :


Disahkan oleh:


Nama Pensyarah Kursus : DR. NORHASNI Binti HARON
Tandatangan Pensyarah Kursus :
Tarikh :


PENGAKUAN


Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.


1. Tandatangan : 
Nama : Nurul Fatimah Binti Khairi
No. Pendaftaran : 10DPM14F1005
Tarikh :

2. Tandatangan : 
Nama : Aiman Izzudin Bin Jefree
No. Pendaftaran : 10DPM14F1049
Tarikh :

3. Tandatangan : 
Nama : Muhammad Sazuan Bin Mat Ridzuan
No. Pendaftaran : 10DPM14F1069
Tarikh :

4. Tandatangan : 
Nama : LukmanulHakim Bin Norazam
No. Pendaftaran : 10DPM14F1079
Tarikh :

5. Tandatangan : 
Nama : Muhammad Luqman Haniff Bin Othman
No. Pendaftaran : 10DPM14F1081
Tarikh :

6. Tandatangan : 
Nama : Yusrizal Bin Md Yusof
No. Pendaftaran : 10DPM14F1083
Tarikh :

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim, dengan nama Allah s.w.t yang Maha Pemurah lagi Maha mengasihani kami ingin memanjatkan rasa syukur atas segala nikmat yang diberikan kepada kami kerana tanpa nikmat dan kurniaan-Nya tidak mungkin kami dapat menyiapkan kajian untuk semester akhir ini dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Kami ingin merakamkan rasa setinggi tinggi penghargaan kepada Puan Zuhairah kerana telah mencurahkan ilmu dan tunjuk ajar dalam subjek "RESEARCH AND METHODOLOGY I" pada semester 4 dan juga Dr Hasni yang juga turut mendidik kami dalam subjek "RESEARCH AND METHODOLOGY II" pada semester akhir ini. Kajian ini juga tidak mungkin dapat dijalankan tanpa bimbingan penasihat akademik kami iaitu En Najib bin Adnan juga merangkap sebagai penyelia kepada kajian semester akhir kami.

Seterusnya, kami juga turut berterima kasih kepada kakitangan Politeknik Seberang Perai yang sedikit sebanyak membantu kami dalam usaha untuk menyiapkan kajian kami bertajuk "Kajian Tentang Sambutan Penduduk Bandar Baru Perda Terhadap Perlindungan Takaful"

Akhir kalam, kepada semua ahli kumpulan yang bertungkus lumus membanting tulang untuk menyiapkan kajian semester akhir ini tanpa komitmen yang komited tidak mungkin kajian ini dapat terlaksana. Justeru itu kami ingin mengucapkan syabas kepada semua ahli kumpulan kerana berkat usaha, Doa keluarga dan rakan rakan akhirnya kajian ini dapat kami sempurnakan dengan jayanya.

Sekian,

ABSTRAK

Takaful adalah satu perkataan yang berasal dari perkataan arab 'Al-Kafala' (jamin) iaitu bermaksud 'saling menjamin' dan dari segi tafsiran Syara' ia adalah pakatan satu kumpulan untuk saling jamin menjamin dan bantu membantu antara satu sama lain ketika peserta kumpulan tersebut ditimpa sesuatu musibah. Takaful juga berasaskan prinsip-prinsip berkongsi tanggungjawab, bekerjasama dan saling membantu untuk menjaga kepentingan bersama. Setiap peserta menyumbang berasaskan tabbaru' (derma) kepada dana yang akan digunakan untuk membantu satu sama lain pada masayang diperlukan. **"Kajian Tentang Sambutan Penduduk Bandar Baru Perda Terhadap Perlindungan Takaful"** dijalankan untuk mengkaji tentang sambutan Takaful di kawasan tersebut dan meningkatkan kesedaran akan pentingnya Takaful dan pengurusan risiko dalam kehidupan. Kajian ini telah melibatkan seramai 100 orang responden dari golongan penduduk di kawasan Bandar Baru Perda bagi menjawab soalan kaji selidik untuk memenuhi objektif kajian dan telah dianalisa menggunakan perisian "statistical package for the social science version 22.0 (SSPA)" bagi memperolehi keputusan kajian. Kepentingan kajian ini akan memberi banyak manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat. Hasil daripada kajian ini, dapat dinyatakan bahawa penduduk Bandar Baru Perda mempunyai kesedaran yang tinggi akan pentingnya perlindungan takaful dan mereka tahu akan daya tarikan takaful kepada mereka kerana kedua objektif tersebut mempunyai purata nilai min yang tinggi diikuti dengan purata nilai min yang terendah di antara tiga objektif yang dikemukakan tetapi masih berada dalam paras skor min yang tinggi ini menunjukkan masih ada kekurangan dalam kefahaman asas mengenai takaful dalam kalangan penduduk Bandar Baru Perda.

ABSTRACT

Takaful is a word derived from the Arabic word 'Al-Kafala' (guarantee) which means' to secure 'and in terms of the interpretation of Personality' it is the coalition of groups to guaranteeing each other and helping each other when the group is overwritten something unfortunate. Takaful is based on the principles of shared responsibility, cooperation and mutual assistance to safeguard common interests. Each participant contributes on the basis tabbaru '(donation) to a fund that will be used to help each other on loved it. **"Kajian Tentang Sambutan Penduduk Bandar Baru Perda Terhadap Perlindungan Takafu"** conducted to study the response of Takaful in the region and raise awareness of the Takaful and the importance of risk management in life. This study involved 100 respondents from among the residents of Bandar Baru Perda to answer survey questions to meet the objectives of the study and were analyzed using the software "statistical package for the social science version 22.0 (SSPA)" to get the result. The importance of this study will be beneficial to all walks of life. The results of this study, it can be stated that the residents of Bandar Baru Perda have a high awareness of the importance of takaful coverage and they know what will appeal takaful to them because both these objectives have average mean high followed by the average mean of the lowest among the three objectives submitted but still in the high score table this shows there is still a lack of fundamental understanding of takaful among residents of Bandar Baru Perda.

| KANDUNGAN | HALAMAN |
|---------------------------------------|----------------|
| PENGESAHAN LAPORAN PROJEK | ii |
| PENGAKUAN | iii |
| PENGHARGAAN | v |
| ABSTRAK | vi |
| ABSTRACT | vii |
| KANDUNGAN | viii |
| SENARAI KANDUNGAN JADUAL | xii |
| SENARAI KANDUNGAN RAJAH | xiii |
| | |
| BAB 1 PENGENALAN | |
| 1.1 Latar Belakang Masalah | 1 |
| 1.2 Penyataan Masalah | 4 |
| 1.3 Objektif Kajian | 7 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 7 |
| 1.5 Skop Kajian | 8 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 8 |
| 1.6.1 Kepentingan Kepada Organisasi | 9 |
| 1.6.2 Kepentingan Kepada Masyarakat | 9 |
| 1.6.3 Kepentingan Kepada | 10 |
| 1.7 Definisi Operasional | 10 |
| 1.7.1 Takaful | 11 |
| 1.7.2 Risiko | 12 |
| 1.7.3 Perlindungan | 12 |
| 1.7.4 Pengetahuan | 13 |

| | | |
|----------------|---------------------------------------|----|
| 1.8 | Limitasi Kajian | 13 |
| | 1.8.1 Penduduk | 13 |
| | 1.8.2 Masa | 13 |
| | 1.8.3 Maklumat | 14 |
| BAB II | SOROTAN KAJIAN | |
| 2.1 | Pendahuluan | 15 |
| 2.2 | Faktor Kefahaman Perlindungan Takaful | 16 |
| 2.3 | Faktor Daya Tarikan | 18 |
| 2.4 | Faktor Kesedaran Takaful | 21 |
| 2.5 | Kesimpulan | 24 |
| BAB III | METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 | Pendahuluan | 25 |
| 3.2 | Kajian Awalan | 26 |
| 3.3 | Reka Bentuk Kajian | 26 |
| 3.4 | Kajian Literatur | 27 |
| 3.5 | Borang Soal Selidik | 27 |
| | 3.5.1 Bahagian A | 28 |
| | 3.5.2 Bahagian B | 28 |
| 3.7 | Populasi dan Sampel | 30 |
| | 3.7.1 Populasi | 30 |
| | 3.7.2 Sampel | 30 |
| 3.8 | Instrumen Kajian | 31 |
| | 3.8.1 Kaedah Analisa Kajian | 32 |
| | 3.8.2 Analisis Kajian Rintis | 33 |
| | 3.8.3 Analisis Kekerapan | 33 |
| | 3.8.4 Analisis Min | 34 |
| 3.9 | Kesimpulan | 34 |

| | | |
|---------------|--|----|
| BAB IV | DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 | Pendahuluan | 35 |
| 4.2 | Analisa Kebolehpercayaan Data | 36 |
| 4.3 | Dapatan Kajian | 37 |
| | 4.3.1 Bahagian A: Latar belakang Responden | 38 |
| | 4.3.2 Bahagian B: Kajian tentang sambutan terhadap perlindungan takaful dalam kalangan penduduk Bandar Baru Perda | 43 |

| | | |
|--------------|---|----|
| BAB V | PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN | |
| 5.1 | Pendahuluan | 51 |
| 5.2 | Perbincangan | 52 |
| | 5.2.1 Perbincangan berkaitan faktor Kefahaman mengenai perlindungan takaful | 52 |
| | 5.2.2 Perbincangan mengenai daya tarikan terhadap perlindungan takaful | 54 |
| | 5.2.3 Perbincangan mengenai kesedaran terhadap perlindungan takaful | 56 |
| 5.3 | Implikasi Kajian | 58 |
| 5.4 | Cadangan | 59 |
| | 5.4.1 Cadangan terhadap Masyarakat | 59 |
| | 5.4.2 Cadangan terhadap pengkaji pengkaji akan datang | 60 |
| | 5.4.3 Cadangan terhadap Organisasi | 60 |
| 5.5 | Kesimpulan | 61 |

Lampiran

Senarai kandungan jadual

| No jadual | | Halaman |
|------------------|--|----------------|
| 3.1 | Skala Likert | 29 |
| 4.1 | Analisis Kebolehpercayaan Data | 36 |
| 4.2 | Skala min skor | 44 |
| 4.3 | Analisis soalan mengenai kajian tentang sambutan terhadap perlindungan takaful dalam kalangan penduduk Bandar Baru Perda (Objektif Kefahaman) | 45 |
| 4.4 | Analisis soalan mengenai kajian tentang sambutan terhadap perlindungan takaful dalam kalangan penduduk Bandar Baru Perda (Objektif Daya tarikan) | 47 |
| 4.5 | Analisis soalan mengenai kajian tentang sambutan terhadap perlindungan takaful dalam kalangan penduduk Bandar Baru Perda (Objektif Kesedaran) | 49 |

SENARAI RAJAH

| No. Rajah | | Halaman |
|------------------|---------------------------------------|----------------|
| 4.1 | Taburan responden mengikut jantina. | 38 |
| 4.2 | Taburan responden mengikut umur. | 39 |
| 4.3 | Taburan responden mengikut bangsa | 40 |
| 4.4 | Taburan responden mengikut status | 41 |
| 4.5 | Taburan responden mengikut pendapatan | 42 |

BAB I

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Masalah

Takaful adalah pelan perlindungan berlandaskan prinsip Syariah. Dalam kontrak takaful, peserta bersetuju untuk menderma sebahagian daripada caruman mereka untuk membantu peserta-peserta lain yang menghadapi kesulitan atau kerugian tertentu ini dikenali sebagai tabarru'. Ia merangkumi unsur perkongsian tanggungjawab, saling menjamin dan melindungi sesama peserta. Ini merupakan teras kepada sistem takaful yang menjadikan unsur ketidakpastian dibenarkan dalam kontrak takaful. Secara prinsipnya, sistem Takaful adalah diasaskan atas semangat saling bekerjasama, tanggungjawab, jaminan, perlindungan dan saling bantuan membantu di antara kumpulan-kumpulan peserta.

Menurut Zafri Ab. Halim, 2014, Utusan Online, 14 Mac 2014, skim Takaful merupakan satu konsep saling tolong-menolong yang dilaksanakan secara sistematik. Peserta yang membuat caruman berdasarkan kontrak Tabarru' iaitu sedekah ke dalam satu dana bertujuan untuk membantu antara satu sama lain sewaktu kesusahan. Konsep ini amat bertepatan dengan syariah dan bersesuaian dengan cara hidup orang Melayu yang mementingkan sikap tolong-menolong. Walaubagaimanapun, sikap ini gagal diterjemahkan dengan sempurna dengan melihat kepada kadar penembusan penyertaan dalam Takaful masih lagi rendah berbanding insurans konvensional.

Sejak skim Takaful diperkenalkan pada tahun 1984, ia telah melalui suatu proses pertumbuhan yang menggalakkan dari sudut penawaran produk dan operasi pengendalian Takaful. Walau bagaimanapun, penyertaan masyarakat terutamanya masyarakat Melayu masih di tahap yang mendukacitakan. Walaupun pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan namun ia tidak dapat menyedarkan hati majoriti masyarakat Melayu. Kadar penembusan Takaful hanyalah sebanyak 13 peratus pada Jun 2013 seperti yang dilaporkan Persatuan Takaful Malaysia ketika '4th Annual World Takaful Conference'. Ini bermakna bagi setiap 100 orang hanya 13 orang mempunyai perlindungan Takaful. Dipetik dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20141003/ek_06/Keperluan-untuk-mendidik-masyarakat-mengenai-Takaful#ixzz4McMYpds9

Menurut Dr Siti Nurazira Mohd Daud, 2016, BH Online, 30 September 2016, Laporan Institut Penyelidikan Khazanah mengenai keberhutangan dan tabungan isi rumah mengundang pelbagai persepsi dan persoalan rakyat, mahupun penggubal dasar ekonomi negara. Kadar keberhutangan isi rumah di Malaysia adalah 89.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2015, dengan kadar tabungan isi rumah secara purata bagi tempoh 2006 hingga 2013 adalah pada kadar 1.6 peratus daripada pendapatan boleh guna. Kenyataan itu turut disokong kajian Bank Negara Malaysia, yang mendapati hanya enam peratus rakyat Malaysia mampu meneruskan kehidupan tidak lebih enam bulan dan 18 peratus sehingga tiga bulan jika kehilangan sumber pendapatan. Tabungan isi rumah rendah pada masa ini boleh dikaitkan dengan kedudukan kewangan isi rumah yang rapuh kerana jika keberhutangan isi rumah tinggi disebabkan aktiviti pembelian aset fizikal seperti rumah, dalam keadaan ekonomi perlahan, sudah tentu aset itu sukar dicairkan dengan kadar segera. Justeru, peranan tabungan dan perlindungan takaful (insurans) dilihat amat penting dalam situasi kehidupan semasa.

Menurut Farouk Zauji, 2015, Utusan Online, 14 April 2015 yang memetik kata Ahmad Rizlan Ahmad iaitu Ketua Pegawai Esekutif Etiqa Berhad menjelaskan bahawa projek ini

juga merupakan salah satu cara untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap takaful dan kepentingannya. Seperti mana bantuan rumah yang diberikan kepada keluarga yang kehilangan tempat tinggal akibat banjir, begitulah caranya takaful dapat membantu individu, keluarga dan perniagaan yang ditimpa musibah seperti kematian, kesakitan serta kehilangan harta benda.

Menurut Wan Jemizan Wan Deraman, 2009, Utusan Online, 19 Ogos 2009, perlindungan menerusi sistem takaful mempunyai kelebihan yang tidak boleh disangkal lagi berbanding dengan sistem perlindungan konvensional. Di bawah sistem perlindungan takaful para peserta yang menyertai mana-mana-mana pelan perlindungan diprogramkan untuk sama-sama mempraktikkan konsep tolong-menolong yang diredai Allah untuk sama-sama meringankan beban rakan-rakan mereka yang berada di dalam kesusahan.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Menurut Pengarah Urusan Kumpulan Takaful Malaysia, Datuk Seri Mohamed Hassan Kamil berkata, Takaful berkembang mantap pada tahun kebelakangan ini. Namun, statistik menunjukkan kira-kira 45 peratus penduduk Malaysia mempunyai satu produk insurans dan kurang daripada 15 peratus mempunyai produk takaful. Perbankan Islam diterima secara meluas masyarakat di Malaysia. Walau bagaimanapun, masih banyak yang perlu dilakukan dalam meningkatkan kesedaran Takaful di kalangan rakyat Malaysia. (Dipetik dari- <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/45-peratus-penduduk-malaysia-ada-insurans-1.430774>)

Tambahan lagi, menurut Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas, Ab. Latiff Abu Bakar berkata, berdasarkan statistik, kadar penembusan takaful di Malaysia masih lagi di tahap rendah dengan hanya 14 peratus direkodkan bagi seluruh negara untuk tahun lepas. Katanya, jika di lihat di negara--negara maju, perbelanjaan bagi insurans hayat dan keluarga menjadi satu perkara yang penting bagi perbelanjaan bulanan seseorang individu. (Dipetik dari-<http://www.takaful-ikhlas.com.my/media-centre/news-events/kesedaran-pada-takaful-diri-keluarga-amat-penting>)

Menurut Arkib Negara, 2013, 8 October 2013, kadar perlindungan insurans dan takaful di Malaysia ketika ini ialah 42 peratus. Ahmad berkata, negara menyasarkan kadar tersebut dinaikkan kepada 75 peratus pada tahun 2020, seiring dengan hasrat Malaysia menjadi negara maju. Tambahnya, kadar perlindungan yang masih rendah itu berkait rapat dengan kurangnya kefahaman rakyat mengenai perlindungan. Jelasnya, perlindungan insurans dan takaful penting lebih-lebih lagi produknya kini lebih meluas meliputi pendidikan, kesihatan, pelaburan serta perlindungan kemalangan.

Maka penyelidik merasakan perlunya individu atau masyarakat dalam memahami apa itu perlindungan insurans dan takaful. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti kefahaman mengenai perlindungan takaful dalam kalangan penduduk Bandar Baru Perda.

Tahap kesedaran orang ramai terhadap kepentingan mempunyai perlindungan takaful dan insurans masih rendah biarpun pelbagai program kesedaran dan pendidikan dilakukan. Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas Bhd. (Takaful Ikhlas), Datuk Ab. Latiff Abu Bakar berkata, masyarakat sering memberikan alasan tidak mampu untuk membayar premium bulanan sedangkan kadar harga premium bagi perlindungan takaful hanya serendah RM20 setahun. (Dipetik dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/tahap-kesedaran-perlindungan-8232-insurans-rendah-1.290371>)

Kesedaran mengenai kepentingan dan fungsi memiliki polisi insurans atau pelan perlindungan diri dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan muda di negara ini masih pada tahap rendah. Kehidupan seharian seseorang sentiasa terdedah

kepada pelbagai risiko seperti kebakaran, kemalangan, banjir, kematian dan sebagainya. (Utusan Malaysia pada 25 Julai 2015)

Maka penyelidik merasakan bahawa perlunya setiap masyarakat di negara ini menyedari tentang kepentingan memiliki polisi insurans atau takaful. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tentang kesedaran mengenai perlindungan takaful oleh penduduk Bandar Baru Perda sebagai alat perlindungan. Penyelidik juga dapat meninjau sejauh mana pengetahuan penduduk terhadap takaful.

Oleh yang demikian, Insurans atau takaful sedikit sebanyak dapat menjadi sebagai salah satu jaminan kewangan jika sebarang kejadian yang berkaitan dengan wang berlaku. Individu perlu menyedari bahawa sekiranya mereka tidak mempunyai sebarang simpanan atau insurans untuk menampung keperluan kecemasan, mereka turut berisiko menanggung bebanan kredit yang tinggi. (Petikan dari akhbar Kosmo 23 Disember 2014)

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

- 1.3.1 Mengkaji tentang kefahaman mengenai perlindungan takaful dalam kalangan penduduk di Bandar Baru Perda.
- 1.3.2 Mengkaji tentang daya tarikan sistem perlindungan takaful dalam kalangan penduduk di Bandar Baru Perda.
- 1.3.3 Mengkaji tentang kesedaran mengenai perlindungan takaful dalam kalangan penduduk di Bandar Baru Perda.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

- 1.4.1 Adakah kefahaman mengenai perlindungan takaful mempengaruhi sambutan dalam kalangan penduduk di Bandar Baru Perda?
- 1.4.2 Adakah daya tarikan sistem perlindungan takaful mempengaruhi sambutan dalam kalangan penduduk di Bandar Baru Perda?
- 1.4.3 Adakah kesedaran mengenai perlindungan takaful mempengaruhi sambutan dalam kalangan penduduk di Bandar Baru Perda?

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini menumpukan penduduk di sekitar kawasan Bandar Baru Perda untuk mengkaji "Kajian Tentang Sambutan Terhadap Perlindungan Takaful Dalam Kalangan Penduduk Bandar Baru Perda". Proses pengumpulan data ini akan dilakukan di sekitar Apartmen Permata, Kondominium Mutiara dan Sekolah Kebangsaan Bandar Perda. Responden terdiri daripada 100 orang penduduk di kawasan Bandar Baru Perda.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini ialah untuk meningkatkan kesedaran golongan tertentu tentang pentingnya perlindungan insurans sebagai satu alat perlindungan untuk mengurangkan kerugian akibat daripada risiko yang dialami.

1.6.1 Kepentingan Kepada Organisasi

Melalui kajian ini organisasi yang berkenaan seharusnya sedar tentang pentingnya kefahaman mengenai kepentingan takaful bagi pekerja mereka kerana risiko bagi sesuatu kejadian di tempat kerja sukar diramal.

1.6.2 Kepentingan kepada Individu

Perlindungan menerusi sistem takaful mempunyai kelebihan yang tidak boleh disangkal lagi berbanding dengan sistem perlindungan konvensional. Di bawah sistem perlindungan takaful para peserta yang menyertai mana-mana pelan perlindungan diprogramkan untuk sama-sama mempraktikkan konsep tolong-menolong yang diredai Allah untuk sama-sama meringankan beban peserta lain yang berada di dalam kesusahan. Melalui kajian ini, penduduk seharusnya sedar tentang kepentingan takaful kepada diri dan kefahaman terhadap pengurusan risiko agar tidak timbul masalah kewangan jika terjadi sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

1.6.3 Kepentingan kepada Masyarakat

Melalui kajian ini, masyarakat sekeliling akan menyedari bahawa kesedaran mengenai pentingnya takaful dan cara pengurusan risiko bukanlah sesuatu perkara yang boleh dipandang remeh kerana ia merupakan satu jaminan yang akan membantu jika terjadinya sesuatu musibah dan dapat membantu peserta takaful yang terbeban dengan masalah kewangan akibat bencana tertentu.

1.6.4 Kepentingan kepada Usahawan

Melalui kajian ini, Usahawan yang berada sekitar Bandar Baru Perda akan menyedari tentang perlindungan terhadap perniagaan mereka dan cara untuk mengatasi risiko. Perkara ini tidak seharusnya dipandang rendah oleh usahawan kerana takaful merupakan jaminan jika berlaku musibah kepada perniagaan mereka.

1.7 DEFINISI OPERASI

Istilah yang digunakan dalam penulisan ini adalah berhubung dengan istilah istilah yang spesifik berkaitan dengan kajian yang diajalankan. Penggunaan istilah adalah untuk mengelakkan pembaca memahami kajian dari persepsi yang berbeza seperti mana yang dikehendaki dalam sesuatu kajian. Definisi operasi ialah proses mengoperasikan konsep agar dapat diukur. Operasionalisasi konsep samahalnya dengan menjelaskan konsep berdasarkan parameter atau indicator indicator (Kriyantono, 2008).

1.7.1 Takaful

Menurut Akta Takaful 1984 (Buku Panduan Asas Takaful, 2007), istilah Takaful membawa maksud satu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuanbersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta-peserta jika diperlukan di mana peserta jika diperlukan di mana peserta-peserta sama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan bagi maksud itu.

Selain itu, menurut Joni Tamkin Borhan & Che Zarrina Sa'ari. (2015) di dalam buku *The Principle of al-Takaful*, kata dasar bagi perkataan takaful ialah *kafala* yang bererti menjamin, menjaga atau memelihara. Takaful merupakan kata nama yang berasal daripada kata kerja *takafala* yang bermaksud saling menjamin, saling menjaga dan saling memelihara. Konsep ini mengandungi prinsip kerjasama, saling membantu dan tanggungjawab bersama yang merupakan asas insurans secara Islam atau takaful.

Dalam konteks kajian ini, takaful merupakan skim perlindungan bagi membantu seseorang sekiranya ditimpa musibah seperti kematian, kecacatan kekal, dan penyakit kritikal oleh penduduk di Bandar Baru Perda.

1.7.2 Risiko

Jeff Woodward, dalam bukunya *Insurance Principle* disebutkan bahwa, di dalam industri insurans, risiko itu ditakrifkan sangat khusus dan sangat sederhana. Secara operasional, risiko diertikan sebagai “uncertainty of financial loss” atau kerugian yang tidak pasti. Jadi risiko mempunyai dua unsur, iaitu ketidakpastian dan kerugian (uncertainty dan loss). Oleh kerana itu, apapun yang dapat menyebabkan timbulnya kerugian itu disebut sebagai risiko. Apabila dalam definisi itu kita bicara tentang ketidakpastian, bererti kita boleh menderita suatu kerugian. Namun itu tidak perlu diertikan bahwa kita akan mengalami kerugian. Di sini wujud unsur keraguan atau ketidakpastian. (Jeff Woodward, 1986, *Insurance Principle*, The Merrit Company)

Dalam konteks kajian ini, risiko adalah musibah seperti kebakaran, kemalangan, banjir dan kematian yang kemungkinan akan berlaku kepada penduduk di kawasan Bandar Baru Perda.

1.7.3 Perlindungan

Menurut Kamus Dewan Bahasa Keempat, perlindungan ialah tempat yang melindungi atau tempat berlindung.

Dalam konteks kajian ini, perlindungan merujuk insurans yang diambil oleh belia di Bandar Baru Perda

1.7.4 Pengetahuan

Pengetahuan merupakan gabungan dari pengalaman, nilai, informasi kontekstual, pandangan pakar dan intuisi mendasar yang memberikan suatu lingkungan dan kerangka untuk mengevaluasi dan menyatukan pengalaman baru dengan informasi (Thomas Davenport, *Personal Knowledge Management*, 1998)

Dalam konteks kajian ini, pengetahuan merujuk kepada tahap ilmu/pengetahuan golongan belia tentang insurans dan pengurusan risiko.

1.8 LIMITASI KAJIAN

Kajian ini hanya melibatkan responden di sekitar kawasan Bandar Baru Perda yang akan memberi maklumbalas terhadap soal selidik yang dijalankan. Berikut merupakan limitasi yang dihadapi semasa soal selidik dijalankan:

1.8.1 Cuaca

Faktor cuaca yang agak tidak menentu menyebabkan para penyelidik sukar untuk mengedarkan borang soal selidik.

1.8.2 Masa

Faktor masa yang padat menyukarkan proses kajian kerana faktor jadual kelas yang menjadi antara penghalang bagi penyelidik menumpukan sepenuh perhatian kepada kajian ini dan juga tempoh masa yang diberikan agak ketat.

1.8.3 Maklumat

Sumber maklumat mengenai "Takaful" agak sukar untuk diperolehi memandangkan sambutan kurang gah. Kebanyakan maklumat yang diperolehi adalah dari sumber internet, akhbar tempatan, jurnal dan kebanyakan sumber yang diperolehi ialah dari internet dan petikan daripada buku buku ilmiah

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENDAHULUAN

Sorotan kajian merupakan pernyataan atau faktor yang menyokong sesuatu objektif bagi sesebuah kajian yang dijalankan. Soroton kajian mengandungi pernyataan, teori, pendapat, penilaian dan laporan kajian berkenaan tajuk yang telah dipilih oleh pengkaji berdasarkan penulisan atau sumber asli. Penulisan terkini yang berkisar tentang tajuk dan dapatan kajian yang sama atau hampir berkaitan dengan kajian akan dimasukkan dalam bahagian ini. Sorotan kajian tentang sambutan penduduk Bandar Baru Perda terhadap perlindungan Takaful di mulai dengan 2.2 faktor kefahaman mengenai perlindungan takaful diikuti dengan 2.3 faktor daya tarikan sistem perlindungan takaful dan 2.4 faktor kesedaran mengenai perlindungan takaful.

2.2 FAKTOR KEFAHAMAN PERLINDUNGAN TAKAFUL

Menurut Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Muammar Ghadafi Jamal Jamaluddin (2015), menegaskan bahawa amat penting bagi golongan muda untuk memahami keperluan mendapatkan pelan perlindungan insurans serta faedahnya kepada mereka. Katanya perancangan untuk jangka masa panjang amat penting sebagai persediaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang bakal berlaku pada masa depan. Insurans atau pelan perlindungan diri bukanlah paksaan atau perkara wajib ke atas setiap individu termasuk golongan muda akan tetapi adalah lebih baik jika mereka mempunyai insurans. Menurut Pengurus Agensi Insurans Al-Isra' Prudential BSN Takaful Raja Muhammad Ariff Shah Raja Muhammad (2015), berkata terdapat pelbagai pendekatan dan kaedah digunakan untuk menarik minat golongan muda mengambil perlindungan insurans. Antaranya adalah melalui media sosial seperti Facebook, Twitter dan Blog, yakin bahawa interaksi melalui media sosial lebih berkesan kerana golongan muda kerap menggunakan saluran tersebut. Ini memudahkannya untuk memberi penerangan, malah syarikat-syarikat insurans sendiri telah menyediakan papan iklan khusus kepada golongan sasaran ini. Walaupun kesedaran golongan muda mengenai keperluan risiko insurans masih sederhana, beliau mengakui minat mereka untuk mengambil tahu mengenainya semakin meningkat.

Menurut Arkib (2012) berkata, Kerajaan Malaysia telah melancarkan "Malaysia sebagai Pusat (Hab) Kewangan Islam Antarabangsa" bagi menunjukkan kesungguhan kerajaan terhadap pembangunan sistem kewangan Islam serantau dan antarabangsa. Selain itu, memberi kefahaman tentang peranan sistem kewangan Islam sebagai alternatif kepada sistem kewangan konvensional sedia ada dan mendidik masyarakat tentang perlunya melibatkan diri dengan sistem kewangan Islam. Seterusnya, takaful merupakan mekanisme dakwah yang digunakan untuk mempromosikan pengurusan kewangan Islam. Keterlibatan orang bukan Islam dalam takaful memberikan lebih banyak pemahaman tentang ajaran Islam bagi memastikan ketelusan dan keadilan dalam setiap transaksi yang dilakukan.

Menurut Ustazah Khuzama Ab.Rahaman (2015) berkata, dalam sistem takaful, semua aktiviti dikawal selia oleh Jawatankuasa Syariah bagi memastikan semua operasinya samada produk, pelaburan dan pengurusan adalah selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Selain itu, industri takaful telah lengkap dari sudut rantaian produknya yang merangkumi produk-produk yang berkaitan dengan pendidikan, perubatan, kesihatan, simpanan, berkaitan pelaburan, perlindungan kredit, perlindungan harta benda dan sebagainya. Di samping itu, Produk Takaful Ikhlas Berhad (TIB) sebagai sebuah pengedali takaful yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah telah mengambil langkah yang proaktif dengan menawarkan produk-produk berkaitan perlindungan kesihatan dan perubatan inovatif dan dapat memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat samada individu atau badan korporat.

Menurut Azli (2016) berkata, pihak persatuan sedang giat melaksanakan pelbagai kempen kesedaran dalam kalangan umat Islam, khususnya golongan muda bagi memberi pemahaman mengenai perlindungan takaful secara meluas. Di samping itu, pada masa yang sama, MTA turut mengadakan kerjasama dengan beberapa institut pengajian tinggi (IPT) tempatan supaya pihak IPT berkenaan melakukan penyelidikan dari aspek kebaikan dan kelemahan sistem takaful pada sudut pandangan masyarakat Islam bagi masyarakat memahami sistem takaful terlebih dahulu.

Menurut Wan Jemizan Wan Deraman (2009) berkata, sistem kewangan Islam dengan pelbagai inovasi menjadi 'penyelamat' kepada umat manusia. Selain itu, institusi takaful merupakan suatu sistem yang menjamin keadilan dan keajahteraan ummah. Seterusnya, perlindungan menerusi sistem takaful mempunyai kelebihan berbanding dengan sistem perlindungan konvensional dimana dibawah sistem perlindungan takaful para peserta yang menyertai mana-mana pelan yang diprogramkan untuk sama-sama dipraktikkan konsep tolong-menolong yang diredhai Allah untuk sama-sama meringankan beban rakan-rakan yang berada di dalam kesusahan.

Kesimpulannya, berdasarkan sorotan kajian daripada hasil kajian dengan faktor kefahaman perlindungan takaful, dapat memberi kefahaman perlindungan takaful kepada golongan muda atau belia mengenai keperluan insurans untuk perlindungan diri mereka. Seterusnya, faktor kefahaman perlindungan takaful juga dapat memberi faedah dan manfaat kepada diri sendiri, keluarga, dan masyarakat.

2.3 FAKTOR DAYA TARIKAN SISTEM PENGAMBILAN TAKAFUL

Menurut Pengarah Urusan Kumpulan Takaful Malaysia, Datuk Mohamed Hassan Kamil (2013) berkata, prospek pertumbuhan yang kukuh dan pengurusan risiko yang lebih baik akan mendorong orang ramai untuk membeli insurans dan takaful. Selain itu, industri itu dijangka terus menggalakkan bagi kedua-dua pengedali konvensional dan takaful menerusi pengenalan produk baharu atau yang dipertingkatkan serta produk inovatif oleh syarikat-syarikat takaful insurans. Sehubungan dengan itu, terdapat banyak ruang untuk pertumbuhan organik, memandangkan Malaysia masih mempunyai penembusan insurans yang rendah dalam kedua-dua sektor konvensional dan takaful. Selain itu juga, mengenai peserta pasaran, insurans tempatan dan takaful dijangka menggunakan opsyen pelbagai pengedaran sedia ada dan membangunkan saluran alternatif lain, dan pada masa yang sama mengukuhkan guna tenaga agensi masing-masing untuk bertapak kukuh dalam industri. Dengan ini akan disokong oleh pelaksanaan pemasaran strategik dan sistem operasi produk yang berdaya saing dan canggih dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh peserta industri masing-masing. Meskipun prospek positif, industri ini akan menghadapi perubahan berikutan penguatkuasaan Modal Berasaskan Risiko (RBC) pada 2014. Perlaksanaan (RBC) mengubah lanskap industri takaful dan pertumbuhan sumbangan yang dijangkakan berkembang sederhana, dengan pertumbuhan yang agak kukuh dalam kalangan pengedali takaful mengatasi peserta konvensional. Di samping itu, insurans dan takaful di Malaysia masih menggalakkan kedua-dua insurans hayat dan insurans am dan takaful tumbuh walaupun ekonomi berkembang sederhana berikutan kelembapan di kebanyakan Negara maju. Justeru itu, kekurangan berterusan bakat, profesional mahir

dalam kedua-dua jenis insurans itu merupakan antara perkara yang perlu dikaji secara teliti bagi mengekalkan daya saing industri. Oleh itu, penting bagi syarikat insurans dan takaful mengenal pasti bakat mahir serta menarik bakat baharu dalam pasaran dengan menawarkan manfaat pekerjaan yang menarik dan saran yang kompetitif.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas Sdn Bhd, Abdul Latiff Abu Bakar (2013) berkata, industri takaful dijangka mengakhiri 2013 dengan pertumbuhan kukuh sebanyak kira-kira 20 peratus. Selain itu, berdasarkan laporan Ernst & Young, Malaysia muncul sebagai pasaran takaful keluarga terbesar dan dijangka terus menerajui industri takaful Asean, dengan menguasai 70 peratus daripada sumbangan takaful kasar. Seterusnya, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 bakal menyaksikan syarikat takaful dan syarikat insurans komposit melepaskan lesen komposit mereka, memisahkan perniagaan am dan keluarga dalam entiti berbeza berikutan mereka diberi lima tahun untuk mematuhi syarat itu. Sehubungan dengan itu, perkembangan lain termasuk satu rangka kerja baharu yang bertujuan menyokong pertumbuhan dan pembangunan industri takaful hayat dan keluarga dalam jangka panjang dan pada yang sama menyediakan persekitaran yang kondusif untuk penembusan yang lebih besar serta melindungi kepentingan pengguna.

Menurut Ketua Pegawai eksekutif Prudential BSN Takaful Azim Mithami (2013) berkata, takaful merupakan industri muda yang semakin meningkat di Malaysia dan oleh itu industri berkenaan menyaksikan pertumbuhan kukuh sedangkan insurans konvensional yang lebih mantap, kadar pertumbuhannya lebih rendah berbanding takaful. Sehubungan dengan itu, matlamat kerajaan mahukan 75 peratus rakyat Malaysia di insuranskan menjelang 2020 akan membantu merangsang pertumbuhan dalam kedua-dua takaful dan insurans. Dengan ini, semakin ramai yang sedar bahawa takaful bukan sahaja untuk umat Islam, lebih ramai rakyat Malaysia akan lebih terbuka untuk menyertai takaful.

Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Wan Mohd Fadzmi Wan Othman (2016) berkata, Agrobank memperkenalkan produk takaful istimewa kepada ahli berdaftar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) di bawah program 'Satu Petani Satu Takaful' dengan harga serendah RM20. Dengan ini, insurans tersebut bakal memberi manfaat menyeluruh dan lengkap meliputi pelbagai jenis perlindungan kepada pemilik. Selain itu, menyediakan perkhidmatan baharu iaitu AgroAgent sejak dua tahun lalu bagi menyediakan perbankan asas seperti menyimpan, pemindahan wang, pembayaran bil utiliti dan tambah nilai prabayar. Seterusnya, Agrobank menambah baik sistem sedia ada bagi memantapkan *System Accounting for Government Agencies (Saga)* digunakan Kadar sebelum ini. Selain itu juga, menggariskan tiga kerjasama dalam sistem pembayaran, perlindungan takaful dan AgroAgent untuk kemudahan petani di kawasan luar Bandar dan terpencil.

Menurut Wan Jemizan Wan Deraman (2009) berkata, inisiatif pihak Bank Negara Malaysia (BNM) memberikan lesen-lesen penubuhan Perbankan Islam dan Takaful kepada beberapa institusi kewangan yang layak seharusnya dipuji dan dihargai kerana ia telah memudahkan masyarakat membuat pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan kewangan yang adil, telus dan efisien. Selain itu, apabila menyertai sistem yang berteraskan sistem Islam ini sebenarnya ia memberi peluang untuk beribadat yang merupakan satu manifestasi pengabdian, kepatuhan dan ketundukan kepada perintah Allah yang memerintahkan supaya melakukan makruf dan meninggalkan mungkar sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 25.

Kesimpulannya, berdasarkan sorotan kajian yang dipetik daripada hasil kajian mengenai faktor daya tarikan sistem pengambilan takaful dapat disimpulkan bahawa daya tarikan sistem takaful ini memainkan peranan yang penting dalam menarik perhatian masyarakat agar dapat menyertai sistem kewangan Islam dengan meluaskan dan mengembangkan pelbagai kemudahan yang ada mengenai sistem pengambilan Takaful kepada masyarakat Islam.